MALAYSIAN REPORTS

Abdullah bin Yaacob lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH AGUNG (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 05-46-89
HASHIM YEOP A SANI HB (MALAYA), HARUN HASHIM DAN MOHAMED YUSOFF HMA
19 FEBRUARI 1991

Undang-Undang Jenayah — Dadah merbahaya — Pengedaran — Ganja mengikut takrif di dalam Akta Dadah Berbahaya — Laporan dan keterangan pegawai kimia — Akta Dadah Berbahaya 1952, s 2

Acara Jenayah — Talian keterangan — Pihak pendakwa gagal memanggil saksi — Talian keterangan mengenai barang kes terputus — Kegagalan hakim meneliti keterangan yang diberi bagi pihak pendakwa yang boleh menyokong pembelaan sedang dituduh

Di dalam kes ini perayu selepas perbicaraannya telah disabit dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya dan dihukum gantung. Di dalam rayuannya tiga isu telah dibangkitkan: (a) bahawa keterangan yang diberi oleh pegawai kimia berkata bahawa barang-barang yang diperiksa dan dianalisanya adalah ganja tetapi tidak pula mengatakan ianya ganja seperti yang ditakrifkan oleh s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952; (b) kegagalan pihak pendakwa memanggil atau menawarkan saksi yang telah menerima dan menyimpan barang-barang kes itu dari 1985 hingga 1989 mengakibatkan talian keterangan putus dengan kesan yang membawa kepada ketidakadilan; (c) kegagalan hakim yang arif yang membicarakan kes meneliti keterangan yang diberi oleh saksi-saksi bagi pihak pendakwa iaitu kemungkinan adanya seorang lain yang telah lari dari kereta yang berkenaan apabila beliau mempertimbangkan pembelaan perayu.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Pegawai kimia di dalam kes ini telah membuat pengesahan dalam laporannya bahawa barang-barang yang diperiksa dan dianalisanya adalah ganja seperti yang ditakrifkan oleh s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan memanglah wajar diputuskan apabila ia menyebut ganja dalam keterangan lisannya perkataan itu semestinya membawa takrif seperti yang telah dibuatnya dalam laporannya itu.

(2) Kegagalan pihak pendakwa memanggil saksi yang telah menerima dan menyimpan barang-barang kes itu dari tahun 1985 hingga tahun 1989 adalah satu kegagalan yang serius dalam konteks kes ini. Dalam keadaan yang demikian terdapat talian keterangan yang terputus yang membawa kepada keraguan berkenaan dengan barang kes.

(3) Jika keterangan dua orang saksi pendakwa dipertimbangkan dengan pembelaan perayu, mengkin pembelaan itu boleh diterima. Kegagalan yang arif hakim meneliti dan menimbang keterangan yang diberi oleh saksi-saksi pendakwa apabila ia mempertimbangkan pembelaan perayu adalah suatu kegagalan yang serius dan mengakibatkan ketidakadilan kepada perayu.

Kes-kes rujukan

1 *PP* v *Ong Tee* [1983] 2 MLK 407 (dirujuk)
2 *Su Ah Ping* v *PP* [1980] 1 MLJ 75 (dirujuk)
3 *Teoh Hoe Chye* v *PP* [1987] 1 MLJ 220 (diikut)
4 *Mohd Osman bin Pawan* v *PP* [1989] 2 MLJ 110 (diikut)

Undang-undang rujukan

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 39(B)(1)(a)

Rayuan dari: Pembicaraan Jenayah No 1/87 (Mahkamah Tinggi, Ipoh)

K Kumaraendran bagi pihak perayu.
Mohd Yusof bin Hj Zainal Abidin (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak penentang.

Cur Adv Vult

Hashim Yeop A Sani HB (Malaya): Perayu telah dituduh di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, iaitu pada 29 Ogos 1983 lebih kurang jam 5.45 petang di Jalan Dato Tahwil Azar, Ipoh, Daerah Kinta, Perak bagi pihak dirinya sendiri mengedar dadah berbahaya iaitu ganja berat 536g. Perayu telah mula dibicarakan pada 25 April 1989 dan pada 23 Jun 1989 telah didapati bersalah, disabit dan dijatuhkan hukuman gantung. Setelah mendengar hujah-hujah kedua-dua belah pihak dalam rayuan ini, mahkamah ini telah melepaskan perayu dari tuduhan tersebut dan sekarang memberikan alasan-alasan keputusan itu.

Pada hari seperti yang disebut dalam tuduhan suatu pasukan polis yang diketuai oleh Insp Sakri (SP4) telah menjalankan suatu serang hendap di Jalan Dato' Tahwil Azar, Ipoh. Mereka telah nampak perayu di dalam kereta No AW 1315 datang masuk ke suatu petak letak kereta berhampiran dengan Restoran Rahman. Kereta tersebut adalah mengikut maklumat yang diberi kepada polis dipercayai terlibat dalam pengedaran dadah.

Polis pun menyerbu kepada kereta tersebut dan telah mengheret pemandu kereta itu iaitu perayu keluar lalu memeriksa badannya tetapi tidak menjumpai apa-apa. Setelah memeriksa badan perayu, Insp Sakri pun memeriksa ke dalam kereta itu. Setelah mencari selama dua minit didapati di bawah tempat duduk pemandu sebuah bungkusan yang dibalut dengan surat khabar lama. Di dalam bungkusan itu didapati satu beg plastik yang mengandungi sepuluh bungkusan kecil, sembilan tiap-tiap daripadanya mengandungi 100 roll disyaki ganja dan satu bungkusan kecil mengandungi 101 roll yang disyaki ganja. Ini bermakna di dalam beg plastik itu didapati 1,001 roll barang tersebut. Semua bungkusan itu telah dibuka di hadapan perayu.

Pada masa penangkapan tersebut keadaan adalah kelam kabut. Mengikut keterangan Insp Sakri: 'The situation was chaotic when I arrested him.' Lihat keterangannya pada ms 16 dalam rekod rayuan.

Dalam soal balas Insp Sakri, beliau berkata ia ada nampak seorang lain yang tergesa-gesa lari dari tempat tersebut dan menyeberang jalan besar berhampiran. Insp Sakri juga berkata ada kemungkinan orang itu keluar dari kereta tersebut. 'I saw a man hurriedly crossing the

road. It is possible that this man was the same man who came out from the car.' Lihat ms 20 rekod rayuan.

Kons Ganesan (SP5) yang bersama menjalankan penangkapan itu berkata ia tidak nampak orang keluar daripada kereta tersebut. Walau bagaimanapun beliau berkata jika ada orang keluar dari kereta itu ia mungkin tidak tahu kerana pandangannya tertumpu kepada perayu. Lihat ms 25 rekod rayuan.

Pegawai kimia (SP1) telah mengesahkan bahawa kesemua barang yang diterimanya dari polis dalam kes ini adalah ganja.

Dalam pembelaannya perayu telah mengakui bahawa kereta tersebut adalah kepunyaannya walaupun ia tidak memegang lesen memandu. Beliau bekerja sebagai buruh awam di Syarikat Tasek Cement. Selain dari menjadi buruh ia juga mengendali sebuah kedai runcit. Keretanya sering digunakan oleh abangnya dan kawan-kawannya.

Pada hari tesebut, iaitu 29 Ogos 1983, abangnya telah meminjam kereta itu lebih kurang pukul 8 pagi dan memulangkannya pada jam 10 pagi. Tengah hari lebih kurang jam 12.30 petang kawannya bernama Irman datang ke kedainya dan setelah dipanggil oleh isterinya ia telah meninjamkan keretanya kepada Irman. Kereta itu dikembalikan kepadanya pada jam 4 petang. Pada masa itu katanya ia sedang tidur dan setelah dipanggil oleh isterinya ia pun bangun dan Irman telah meminta dihantar balik dengan kereta oleh sebab tidak ada teksi atau bas di tempat itu. Perayu pun bersetuju menghantar Irman balik dan dalam masa perjalanan mereka telah berhenti berhampiran dengan Restoran Rahman untuk minum. Pada masa ia di dalam petak letak kereta ia pun ditangkap oleh polis. Irman serta merta lari dari kereta. Sekianlah cerita pembelaan perayu.

Ada beberapa isu dasar yang telah dibangkitkan oleh peguam bagi pihak perayu dalam rayuan ini. Tiga isu yang dibangkitkan wajar dipertimbangkan. Yang pertama ialah sama ada keterangan yang diberi oleh pegawai kimia (SP1) yang berkata bahawa barang-barang yang diperiksa dan dianalisanya adalah ganja tetapi tidak pula mengatakan ianya ganja seperti yang ditakrifkan oleh s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Mengikut keterangannya pegawai itu (SP1) telah memeriksa kesemuanya 1,001 roll tersebut dan telah berkata semuanya itu adalah 'vegetable matter' (barang tumbuhan) dan beliau telah menggunakan perkataan 'vegetable matter' sebanyak tidak kurang sembilan kali — lihat ms 2 dan 3 rekod rayuan — dan pegawai ini (SP1) hanya menggunakan perkataan 'cannabis' sekali dan tidak pula mengaitkan barang kes itu kepada s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Peguam juga menegaskan bahawa laporan pegawai kimia tidak boleh diterima sebagai keterangan menyokong ('corroborative evidence') kepada keterangan SP1 kerana pegawai kimia itu tidak berkata di dalam keterangannya ganja itu adalah ganja yang dimaksudkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Memanglah benar ada perbezaan di antara dadah heroin dan dadah ganja atau cannabis di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Setelah pindaan kepada Jadual Pertama Akta tersebut dibuat dalam tahun 1971, perbezaan di antara kedua-dua jenis dadah ini menjadi lebih ketara dan sekarang dadah heroin dijadikan satu daripada dadah berbahaya dalam Jadual Pertama tetapi ganja cannabis masih ada takrifnya tersendiri — lihat *PP* v *Ong Tee*.[1] Oleh yang demikian tidak mencukupi jika hanya ada keterangan pegawai kimia bahawa barang itu ialah ganja tetapi hendaklah ada keterangan mengesahkan ianya ganja seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Melihat kepada laporan pegawai kimia di dalam kes ini, didapati beliau telah membuat pengesahan dalam laporannya bertarikh 2 November 1983 bahawa cannabis tersebut ialah seperti yang ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1980 — lihat ms 63 rekod rayuan. Oleh yang demikian tidaklah berbangkit apa-apa keraguan habawa barang kes yang telah diperiksa dan dianalisa oleh pegawai kimia (SP1) itu adalah ganja mengikut kehendak Akta 1952. Ini ialah berdasarkan kepada keterangan pegawai kimia itu sendiri. Memanglah wajar diputuskan bahawa apabila SP1 berkata ganja dalam keterangannya secara lisan, perkataannya itu semestinyalah membawa takrif seperti yang telah dibuatnya dalam laporannya sebelum memberi keterangan itu. Oleh yang demikian kami telah menolak hujah peguam dalam isu ini.

Isu yang kedua ialah berkaitan dengan soal sama ada kegagalan pihak pendakwa memanggil saksi-saksi tertentu mengakibatkan talian keterangan putus dengan keadaan yang membawa kepada ketidakadilan. Mengikut fakta kes ini barang kes telah diserahkan oleh Insp Sakri (SP4) kepada ASP Arunasalam (SP2), pegawai penyiasat dalam kes ini. Ini berlaku pada hari penangkapan tersebut. ASP Arunasalam (SP2) telah menghantarkan barang kes itu kepada pegawai kimia pada 3 September 1983 dan telah mengambilnya semula pada 2 November 1983. Dalam tempoh tersebut SP2 telah menjalankan penyiasatan lanjut dalam les ini. Setelah menerima semula barang kes daripada pegawai kimia pada 2 November 1983 ia telah menyimpan barang itu dalam jagaannya dan barang itu telah disimpan dalam peti besi yang kuncinya disimpannya sendiri sehinggalah pada bulan September 1985. Dalam bulan September 1985 SP2 telah mengambil barang kes itu dari peti besi tersebut dan menyerahkannya kepada seorang pegawai polis bernama ASP Yeow Ah Kee dan kepada pegawai ini juga diserahkannya kunci peti besi tersebut. Walau bagaimanapun ASP Yeow Ah Kee tidak dipanggil sebagai saksi pendakwa dan namanya pun

tidak dimasukkan dalam senarai pegawai-pegawai polis yang diserahkan untuk pembelaan setelah kes pendakwa ditutup.

Pada pandangan kami pihak pendakwa tidak memanggil langsung ASP Yeow Ah Kee sebagai saksi pandakwa atau menyerahkannya kepada pembelaan dan ini adalah suatu kegagalan yang serius dalam konteks kes ini. Ini ialah kerana semua barang kes ada di dalam jagaannya dari tahun 1985 hingga tahun 1989 — iaitu dalam tempoh masa yang agak panjang! Dalam keadaan yang demikian tentulah ada keraguan dengan barang kes itu lebih-lebih lagi jika dilihat dari segi pengesahan dadah yang dibangkitkan dalam isu yang pertama di atas.

Memanglah benar seperti yang disebut dalam kes *Su Ah Ping* v *PP*[2] di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa tidaklah dikehendaki pihak pendakwa memanggil kesemua pegawai atau orang yang berkenaan yang telah melihat atau mengecam sesuatu barang kes. Ini bukunlah maksud undang-undang yang sebenarnya. *Su Ah Ping*[2] hanya memutuskan prinsip am. Tetapi fakta kes berbeza di antara satu dengan lain dan kewajipan pendakwa dalam satu-satu kes ialah untuk membuktikan kes itu dengan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah kepada mahkamah. Kes hendaklah dibuktikan dengan kemas tanpa keraguan atau persoalan yang boleh dibangkitkan berkenaan dengan barang kes. Lihat juga *Teoh Hoe Chye* v *PP*[3] di ms 229. Janganlah ada didapati talian keterangan yang putus sehingga membawa kepada keraguan berkenaan dengan barang kes.

Mahkamah ini juga telah menekankan kehendak undang-undang dalam penjagaan dan penguasaan barang kes dalam rayuan *Mohd Osman bin Pawan* v *PP*[4] di mana perayu telah disabitkan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan keraguan telah timbul dalam hal yang sama.

Isu ketiga ialah isu yang timbul dari penghakiman yang arif hakim yang membicarakan kes ini. Didapati dengan jelas bahawa dalam penghakimannya, yang arif hakim telah menolak bulat-bulat cerita pembelaan perayu oleh sebab ia berpendapat cerita itu tidak boleh diterima. Tidak ternampak dalam penghakimannya yang arif hakim telah meneliti keterangan yang diberi oleh Insp Sakri dan Kons Ganesan iaitu kemungkinan adanya seorang lain yang telah lari dari kereta tersebut. Jika keterangan dua orang saksi pendakwa ini dipertimbangkan dengan pembelaan perayu, mungkin pembelaan itu boleh diterima khususnya dari aspek penggunaan kereta itu oleh orang selain daripada perayu. Oleh yang demikian kami memutuskan bahawa kegagalan yang arif hakim meneliti dan menimbang keterangan yang diberi oleh dua orang saksi pendakwa tersebut apabila ia mempertimbangkan pembelaan perayu adalah suatu kegagalan yang serius dan mengakibatkan ketidakadilan kepada perayu.

Berdasarkan kepada pendapat kami di atas, kami telah meluluskan rayuan ini. Sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan ke atas perayu diketepikan.

Rayuan dibenarkan.

Peguam: *Kumar Sitham & Co.*

Dilaporkan oleh *Prof Ahmad Ibrahim*

[The following report is a translation of the Bahasa Malaysia judgment reported at pp 235-237. The translation was done by the Malayan Law Journal.]

Abdullah bin Yaacob v Public Prosecutor

SUPREME COURT (KUALA LUMPUR) — CRIMINAL APPEAL NO 05-46-89
HASHIM YEOP A SANI CJ (MALAYA), HARUN HASHIM AND MOHAMED YUSOFF SCJJ
19 FEBRUARY 1991

Criminal Law — Dangerous drugs — Trafficking — Ganja as defined in the Dangerous Drugs Act 1952 — Report and evidence of chemist — Dangerous Drugs Act 1952, s 2

Criminal Procedure — Chain of evidence — Prosecution failing to call witness — Chain of evidence broken — Doubts raised as to exhibits — Failure of trial judge to consider evidence of prosecution witnesses which supported accused's defence

The appellant was convicted on a charge of drug trafficking and sentenced to death. In his appeal three issues were raised: (a) that the chemist had in his evidence said that the substances he had examined were ganja but did not say that they were ganja as defined in s 2 of the Dangerous Drugs Act 1952; (b) that the failure of the prosecution to call or to offer the defence the witness who had received and kept the evidence from 1985 to 1989 resulted in a break in the chain of evidence and led to a miscarriage of justice; (c) that the trial judge in considering the accused's defence, had failed to consider the evidence of prosecution witnesses who testified that it was probable that another person had also run away from the car.

Held, allowing the appeal:

(1) The chemist in his report had affirmed that the substances he had examined were ganja as defined in s 2 of the Dangerous Drugs Act 1952 and it can be concluded that his reference to ganja in his oral evidence had the same definition of ganja as in his report.

(2) The failure of the prosecution to call the police officer who had received and kept the exhibits from 1985 to 1989 is a serious failure in the context of this case. In these circumstances, there was a break in the chain of evidence leading to doubts regarding the exhibits.

(3) If the evidence of the two prosecution witnesses had been considered in the light of the defence of the accused, the defence might have been accepted. The failure of the trial